



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



BANCI 2024 PERTANIAN

LAPORAN INTERIM



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN INTERIM

BANCI PERTANIAN 2024

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Disediakan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7770
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
Harga	: RM120.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Penafian

Penulisan ini adalah inisiatif penulis berdasarkan pandangan yang diperoleh dari pengumpulan data dan bahan bacaan ilmiah berkaitan aktiviti pertanian yang dikaji. Pandangan yang dikemukakan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-897-4

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Laporan Interim Banci Pertanian 2024 membentangkan parameter pertanian di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi sektor pertanian.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA)* 2020 bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran pertanian dan jadual parameter terperinci merangkumi kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




BANCI PERTANIAN 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berdasarkan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berdasarkan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkuuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantai edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkuuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Kandungan	Muka surat
Kata Pengantar	iii
Banci Pertanian 2024	vii
Kandungan	x
Senarai Jadual	xi
Ringkasan Penemuan	7
Jadual Statistik	147
Nota Teknikal	249
Penghargaan	267
Lampiran	285

Jadual		Muka surat
1.0	Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023	149
1.1	Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023	150
1.2	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	151
1.3	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	152
1.4	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	153
1.5	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	154
1.6	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	155
2.0	Pegangan Pertanian Pertubuhan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	156
2.1	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	157
2.2	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	158
2.3	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	159
2.4	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	160
2.5	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	161
3.0	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	162

Jadual		Muka surat
3.1	Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	163
3.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	164
3.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	165
3.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	166
3.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	167
3.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	168
4.0	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Malaysia, 2023	169
4.1	Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	170
4.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	171
4.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	172
4.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	173
4.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	174
4.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Jantina dan Negeri, Malaysia, 2023	175

Jadual		Muka surat
5.0	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	176
5.1	Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	177
5.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	178
5.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	179
5.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	180
5.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	181
5.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	182
6.0	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Etnik, Malaysia, 2023	183
6.1	Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	184
6.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	185
6.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	186
6.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	187
6.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	188

Jadual		Muka surat
6.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	189
7.0	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	190
7.1	Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	191
7.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	192
7.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	193
7.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	194
7.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	195
7.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	196
8.0	Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	197
8.1	Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	201
8.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	204
8.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	207
8.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perikanan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	210

Jadual		Muka surat
8.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	213
8.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	216
9.0	Parameter Utama bagi Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023	219
10.0	Keluasan Bertanam bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	221
11.0	Keluasan Bertuai bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	222
12.0	Keluasan bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	223
13.0	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	224
13.1	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	225
13.2	Kuantiti Pengeluaran Ternakan Hidup bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	226
13.3	Kuantiti Pengeluaran Ternakan Hidup bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	227
13.4	Kuantiti Pengeluaran bagi Hasilan Ternakan Telur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	228
13.5	Kuantiti Pengeluaran Hasilan Ternakan Susu Segar bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	229
13.6	Kuantiti Pengeluaran Lain-lain Hasilan Ternakan bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	230

Jadual		Muka surat
13.7	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	231
13.8	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	232
13.9	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	233
13.10	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	234
13.11	Kuantiti Pengeluaran bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	235
14.0	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	236
14.1	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Tanaman mengikut Negeri, Malaysia, 2023	237
14.2	Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Ternakan Hidup bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	238
14.3	Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Ternakan Hidup bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	239
14.4	Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Hasilan Ternakan Telur bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	240
14.5	Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Hasilan Ternakan Susu Segar bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	241
14.6	Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Lain-Lain Hasilan Ternakan bagi Subsektor Ternakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	242
14.7	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	243

Jadual		Muka surat
14.8	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	244
14.9	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Akuakultur mengikut Negeri, Malaysia, 2023	245
14.10	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	246
14.11	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	247

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI PERTANIAN 2024

PROFIL PEGANGAN PERTANIAN, MALAYSIA, 2023

Jumlah
1,030,020



Pegangan Pertanian

Individu
1,008,829
(97.9%)



Pertubuhan
21,191
(2.1%)



Pegangan Pertanian mengikut Subsektor

Tanaman

Individu	15,823	Pertubuhan	911,497
----------	--------	------------	---------

Ternakan

Individu	2,965	Pertubuhan	43,816
----------	-------	------------	--------

Perikanan Tangkapan

Individu	399	Pertubuhan	48,267
----------	-----	------------	--------

Akuakultur

Individu	1,872	Pertubuhan	8,407
----------	-------	------------	-------

Perhutanan & Pembalakan

Individu	534	Pertubuhan	7,930
----------	-----	------------	-------

■ Individu ■ Pertubuhan

Pegangan Pertanian mengikut Negeri



Johor
102,460
3,578



Kedah
123,194
1,237




Kelantan
87,203
442



Melaka
13,022
802



N. Sembilan
44,082
1,347



Pahang
87,482
2,543



Pulau Pinang
15,491
1,154



Perak
104,878
2,596



Perlis
18,839
131



Selangor
35,474
1,643



Terengganu
72,367
684



Sabah
156,635
2,624



Sarawak
145,378
2,036



W.P. Kuala Lumpur
1,426
330



W.P. Labuan
732
34



W.P. Putrajaya
166
10

Individu Pertubuhan



@StatsMalaysia



20 Oktober



Profil Pegangan Pertanian Individu

Kewarganegaraan



Warganegara
1,000,458



Bukan Warganegara
8,371

Jantina



Lelaki
753,139



Perempuan
255,690

Sijil Tertinggi Diperoleh



Tertiari

60,425



Menengah

381,638



Rendah

256,063



Tiada Sijil

271,413

Tiada Maklumat : 39,290

Kumpulan Umur

15 - 30 tahun

33,195



31 - 45 tahun

190,952



46 - 59 tahun

326,287



60 tahun dan ke atas

458,263



Tiada Maklumat : 132

Kumpulan Etnik



Bumiputera

: 884,194



India

: 10,577



Cina

: 97,745



Lain-lain

: 7,942

Taraf Perkahwinan



Tidak pernah berkahwin

102,554



Balu/
Duda

: 113,384



Berkahwin

741,823



Bercerai/
Berpisah

: 11,778

Tiada Maklumat : 39,290

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Jumlah
1,784,640



Individu
1,360,168
(76.2%)




Pertumbuhan
424,472
(23.8%)





PARAMETER UTAMA PERTANIAN, MALAYSIA, 2023



Peratus Sumbangan (%) Nilai Jualan mengikut Subsektor dan Negeri



PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)											
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^p	
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1	
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2	
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2	
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0	
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6	
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7	
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4	
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1	
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	
Negeri	Nisbah Jantina											
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e	
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111	
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116	
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104	
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113	
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108	
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114	
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110	
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99	
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105	
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109	
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107	
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115	
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106	
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117	
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105	
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98	
Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	33,401.8	7,569.2	23,347.4	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	4,107.2	914.2	2,904.3	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	2,189.3	535.0	1,461.5	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	1,859.8	536.6	1,195.5	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	1,028.3	234.8	724.4	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	1,224.9	296.5	836.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	1,643.2	405.8	1,127.3	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	2,541.2	554.1	1,740.0	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	293.1	57.3	211.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	1,772.6	337.4	1,299.2	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	3,596.7	878.0	2,502.0	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	2,502.3	513.6	1,780.3	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	7,209.7	1,532.2	5,119.9	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	1,210.0	340.2	798.1	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	2,005.7	364.6	1,504.5	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	99.0	26.2	68.0	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	118.8	42.9	73.9	41.8	76.2	2.3

Nota:

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota:

i. - Tiada kes

ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti pertanian merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti pertanian dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan. Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Tempoh pembancian bermula dari Julai sehingga Oktober 2024.

Banci Pertanian ini penting bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara. Ianya juga digunakan sebagai penanda aras baharu dalam penyediaan indikator pertanian bagi tujuan perancangan industri pertanian di Malaysia. Penemuan banci ini dapat menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030. Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan.

Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti. Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein.

Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.


Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif. Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

3.0 PERANAN SEKTOR PERTANIAN DALAM EKONOMI MALAYSIA

3.1 Evolusi Sektor Pertanian Dalam Ekonomi Malaysia

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor utama dalam ekonomi Malaysia dan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia sejak awal kemerdekaan. Sektor ini menjadi sumber kepada keterjaminan makanan, pembekal bahan mentah untuk industri serta sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara melalui eksport komoditi seperti kelapa sawit, getah dan koko. Namun, sejajar dengan transformasi struktur ekonomi negara daripada sektor berdasarkan pertanian kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan, sumbangan sektor ini kepada KDNK mengalami perubahan ketara sepanjang tempoh 1970 hingga 2023.

Carta 1: Peratus Sumbangan (%) Sektor Utama kepada KDNK pada harga malar



Pada tahun 1970, sektor pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada KDNK Malaysia dengan sumbangan sebanyak 28.8 peratus, selepas sektor perkhidmatan yang mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 42.6 peratus. Pada ketika itu, majoriti penduduk Malaysia bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber pendapatan utama, dengan kegiatan ekonomi tertumpu kepada penanaman komoditi eksport seperti getah dan kelapa sawit serta pengeluaran makanan asas seperti padi dan ternakan.

Sejajar dengan peralihan dasar ekonomi negara yang menumpukan kepada perindustrian, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK mula menunjukkan tren penurunan. Pada tahun 1980, sektor ini menyumbang sebanyak 22.9 peratus kepada ekonomi Malaysia. Walaupun masih merupakan antara sektor utama dalam ekonomi negara, kebergantungan terhadap sektor pertanian semakin berkurang dengan perkembangan pesat sektor perkilangan dan industri berat, terutamanya selepas pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian (PIP) Pertama pada tahun 1986. PIP merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mempercepatkan perindustrian negara dan mengurangkan kebergantungan kepada sektor komoditi seperti getah dan kelapa sawit.

Menjelang tahun 1990, sumbangan sektor pertanian terus merosot kepada 16.3 peratus. Pada masa ini, Malaysia telah mengalami proses perindustrian yang pesat dengan pertumbuhan sektor perkilangan dan teknologi tinggi yang memberi impak besar terhadap struktur ekonomi negara. Susulan itu, Kerajaan mula memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan daya saing sektor ini melalui mekanisasi, penggunaan teknologi moden serta penggalakan pertanian komersial berskala besar.

Sektor pertanian hanya menyumbang 8.6 peratus kepada KDNK pada tahun 2000, menunjukkan perubahan signifikan dalam keutamaan ekonomi Malaysia yang semakin berorientasikan sektor perkhidmatan dan pembuatan. Walaupun sumbangan sektor pertanian semakin mengecil, sektor ini kekal signifikan dalam memastikan bekalan makanan negara yang mencukupi, menjadi sumber pendapatan kepada golongan petani dan pekebun kecil serta menyumbang kepada eksport negara.

Sumbangan sektor pertanian meningkat perlahan kepada 10.1 peratus pada tahun 2010, hasil daripada pelbagai dasar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian termasuk Pelan Transformasi Pertanian Negara. Langkah-langkah seperti penggunaan automasi, sistem pengairan moden dan pertanian pintar telah diterapkan bagi meningkatkan produktiviti serta daya saing sektor ini.

Pada tahun 2020, sektor pertanian mencatatkan sumbangan sebanyak 7.4 peratus kepada KDNK. Walaupun peratusannya semakin mengecil, sektor ini tetap relevan dalam memastikan keterjaminan makanan, menyediakan peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar serta menyokong industri berkaitan seperti pemprosesan makanan dan eksport produk pertanian. Namun, sektor ini turut menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, kenaikan kos input pertanian serta kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

Statistik terkini bagi tahun 2023 menunjukkan bahawa sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Malaysia adalah sebanyak 6.4 peratus. Penurunan ini mencerminkan perubahan struktur ekonomi negara yang semakin berorientasikan sektor perkhidmatan dan teknologi tinggi. Walaupun demikian, sektor pertanian kekal sebagai sektor penting dalam ekonomi negara, terutamanya dalam aspek keterjaminan makanan, peluang pekerjaan serta sebagai sumber eksport utama bagi produk pertanian seperti minyak sawit, getah dan ternakan.

Secara keseluruhannya, walaupun sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara semakin berkurang, namun sektor ini tetap relevan. Dengan adanya pelbagai inisiatif moden seperti pertanian pintar, penggunaan teknologi digital serta sokongan Kerajaan dalam bentuk dasar dan insentif, sektor ini masih berpotensi untuk berkembang dan terus menyumbang kepada kestabilan sosio-ekonomi negara pada masa hadapan.

3.2 Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian 2023 (Pada Harga Semasa)


Pada tahun 2023, prestasi ekonomi bagi sektor pertanian mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak -11.9 peratus berbanding peningkatan 8.6 peratus pada tahun 2022. Penurunan ini didorong oleh kemerosotan prestasi dalam beberapa subsektor utama, khususnya kelapa sawit dan getah yang mengalami penyusutan ketara susulan faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi pasaran komoditi global.

Subsektor kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian dengan sumbangan sebanyak 47.8 peratus mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak -23.5 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan 13.1 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan subsektor getah yang terus menunjukkan tren penyusutan apabila mencatatkan penurunan sebanyak -14.1 peratus pada tahun 2023 berbanding -22.2 peratus pada tahun 2022. Penyusutan dalam kedua-dua subsektor ini berpunca daripada kejatuhan harga komoditi kelapa sawit dan getah yang dipengaruhi oleh kelembapan permintaan global serta lebihan bekalan dalam pasaran dunia. Di samping itu, subsektor perhutanan dan pembalakan turut mengalami penurunan marginal sebanyak -0.2 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan sebanyak 9.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, subsektor pertanian lain mencatatkan peningkatan 1.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 1.7 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam semua aktiviti terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan kecuali padi yang menunjukkan penurunan. Selain itu, subsektor perikanan pula mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2023 berbanding peningkatan sebanyak 9.0 peratus pada tahun sebelumnya, didorong oleh pertumbuhan dalam kedua-dua aktiviti utama iaitu perikanan laut dan akuakultur yang masing-masing meningkat 3.6 peratus dan 1.4 peratus pada tahun 2023.

Secara keseluruhan, walaupun sektor pertanian mengalami tekanan akibat penurunan harga komoditi utama dan kekurangan permintaan global, beberapa subsektor masih mencatatkan pertumbuhan positif dan ini menunjukkan daya tahan serta kepelbagaiannya aktiviti dalam sektor ini.

Carta 2: Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian – Nilai Ditambah, Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Peratusan (Pada Harga Semasa)



3.3 Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian bagi Negara-Negara Terpilih 2023 (Pada Harga Semasa)

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi sebuah negara, namun sumbangannya kepada KDNK adalah berbeza-beza bergantung kepada tahap pembangunan dan struktur ekonomi selain dasar Kerajaan bagi negara berkenaan. Bagi Indonesia yang merupakan sebuah negara pertanian, sektor pertanian menyumbang 12.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2023. Antara komoditi utama negara tersebut adalah kelapa sawit, padi dan kopi. Di Vietnam, sektor pertanian menyumbang 11.9 peratus kepada ekonomi negara tersebut pada tahun 2023, dengan padi, kopi dan produk perikanan sebagai komoditi utama. Sementara itu, sektor pertanian Thailand menyumbang 8.6 peratus kepada KDNK Thailand pada tahun 2023, dengan padi, getah dan buah-buahan sebagai subsektor utama.

Sektor pertanian di India pula menyumbang 16.6 peratus kepada KDNK pada tahun 2023, di mana antara subsektor utamanya adalah padi, gandum dan kapas. Walaupun China mempunyai sektor pertanian yang besar dan menjadi antara pengeluar makanan terbesar di dunia, namun sumbangannya kepada ekonomi China adalah hanya 7.1 peratus pada tahun 2023. Ini disebabkan oleh peralihan struktur ekonomi kepada industri dan perkhidmatan. Antara subsektor utama yang menyumbang kepada sektor pertanian di China adalah tanaman bijirin (padi, gandum dan jagung), ternakan (babi, lembu & tenusu dan ayam & itik) dan sayur-sayuran & buah-buahan.

Manakala, sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara-negara Eropah umumnya adalah kecil, yang mana ekonomi negara-negara tersebut lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian, seperti Itali (1.9%), Perancis (1.7%) dan Jerman (0.8%). Antara komoditi utama bagi Itali dan Perancis adalah angur dan gandum, manakala gandum, kentang dan susu & produk tenusu merupakan komoditi utama bagi Jerman.

Negara-negara maju cenderung mempunyai sumbangan sektor pertanian kepada KDNK yang lebih kecil, sementara negara-negara yang sedang membangun menunjukkan peratusan yang lebih tinggi. Faktor seperti dasar kerajaan, tahap teknologi dan keperluan domestik turut mempengaruhi sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi sesebuah negara.


4.0 SUMBANGAN NILAI DITAMBAH SEKTOR PERTANIAN MENGIKUT NEGERI¹ (PADA HARGA MALAR)

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan serta mengurangkan kebergantungan negara kepada import pertanian. Secara keseluruhan, nilai ditambah sektor pertanian Malaysia pada tahun 2023 ialah RM100.8 bilion, menyumbang 6.4 peratus kepada KDNK keseluruhan dengan pertumbuhan marginal 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 1.3%). Negeri Johor merupakan penyumbang terbesar sektor pertanian di Malaysia dengan sumbangan sebanyak 17.1 peratus, diikuti Sarawak (14.9%), Pahang (14.1%), Sabah (12.5%) dan Perak (11.6%).

Nota: 2023^P merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025


**Carta 3: Nilai Ditambah Sektor Pertanian Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)**



4.1 Subsektor Tanaman

Subsektor tanaman menyumbang 67.2 peratus kepada sektor pertanian Malaysia pada tahun 2023. Negeri penyumbang terbesar subsektor tanaman adalah Sarawak dengan sumbangan sebanyak 18.2 peratus, diikuti Johor (17.3%), Pahang (16.6%) dan Sabah (14.2%). Sebanyak empat negeri menunjukkan sumbangan subsektor tanaman kepada sektor pertanian negeri melebihi 70 peratus iaitu Sarawak (82.1%), Pahang (79.0%), Sabah (76.0%) dan Kelantan (72.7%).

**Carta 4: Nilai Ditambah Subsektor Tanaman Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)**



4.2 Subsektor Ternakan


Subsektor ternakan menyumbang 16.6 peratus kepada sektor pertanian Malaysia. Negeri penyumbang terbesar subsektor ini ialah Johor (26.1%), diikuti Perak (16.9%), Melaka (11.0%) dan Kedah (10.5%). Antara negeri yang mencatatkan sumbangan

Nota: 2023^p merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025

subsektor ternakan kepada sektor pertanian negeri melebihi 20 peratus ialah Melaka (38.1%), Kedah (31.8%), Negeri Sembilan (28.9%), Pulau Pinang (27.0%), Selangor (27.0%), Johor (25.4%) dan Perak (24.2%).


Carta 5: Nilai Ditambah Subsektor Ternakan Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)



4.3 Subsektor Perikanan

Subsektor perikanan menyumbang 11.5 peratus kepada sektor Pertanian Malaysia. Negeri penyumbang utama kepada subsektor ini adalah Perak, yang menyumbang sebanyak 21.9 peratus, diikuti Sabah (16.0%) dan Kedah (10.0%). Subsektor ini menguasai sektor pertanian di Wilayah Persekutuan Labuan dan Pulau Pinang, masing-masing sebanyak 86.5 peratus dan 40.0 peratus. Selain itu, subsektor perikanan merupakan penyumbang kedua terbesar sektor pertanian di Perlis (39.1%), diikuti Terengganu dan Sabah, masing-masing sebanyak 15.6 peratus dan 14.7 peratus.

Carta 6: Nilai Ditambah Subsektor Perikanan Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)




Nota: 2023^p merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025

4.4 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Subsektor perhutanan & pembalakan menyumbang 4.8 peratus kepada sektor pertanian Malaysia. Sarawak merupakan negeri penyumbang terbesar bagi subsektor ini iaitu sebanyak 28.8 peratus, diikuti Pahang (25.3%) dan Kelantan (18.1%). Dua negeri yang menunjukkan sumbangan subsektor perhutanan & pembalakan kepada sektor pertanian negeri melebihi 10 peratus ialah Kelantan dan Terengganu, masing-masing merekodkan 15.5 peratus dan 11.4 peratus.

Carta 7: Nilai Ditambah Subsektor Perhutanan & Pembalakan Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)



Nota: 2023^p merujuk kepada data awalan

¹ Semakan semula statistik KDNK mengikut negeri bagi tahun 2022 dan 2023 akan diterbitkan pada 1 Julai 2025

5.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN


5.1 Eksport Produk Pertanian

Nilai perdagangan produk pertanian utama Malaysia di bawah penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan atau *Supply Utilization Accounts* (SUA) mencatatkan jumlah keseluruhan nilai eksport mencecah RM66.8 bilion bagi tahun 2023.

Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada jumlah eksport pertanian negara bagi tahun 2023 dengan mencatatkan peratusan sumbangan sebanyak 94.8 peratus. Subsektor ini jelas mendominasi landskap eksport pertanian, sekali gus mencerminkan kepentingan produk seperti minyak masak, produk tenusu dan beras sebagai sumber utama dalam menjana pendapatan negara. Sementara itu, subsektor perikanan menyumbang sebanyak 3.0 peratus, manakala subsektor ternakan mencatatkan sumbangan paling rendah iaitu 2.2 peratus. Ketidakseimbangan ini menggambarkan kebergantungan negara terhadap hasil tanaman, serta memberi isyarat keperluan untuk memperkuuh dan memperkasa subsektor perikanan dan ternakan agar dapat menyumbang secara lebih signifikan kepada eksport pertanian pada masa akan datang.

Sepanjang tempoh 2019 hingga 2023, nilai eksport sektor pertanian negara mencatatkan Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 8.4 peratus. Prestasi ini menunjukkan pertumbuhan yang positif dan konsisten dalam tempoh lima tahun, sekali gus menggambarkan peningkatan permintaan terhadap hasil pertanian tempatan di pasaran antarabangsa. Kadar pertumbuhan ini juga mencerminkan keupayaan sektor pertanian negara untuk terus berkembang dan menyumbang secara signifikan kepada pendapatan eksport negara, selaras dengan matlamat pemerksaan sektor agro-makanan dan pertanian mampan.

Carta 8: Prestasi Eksport, 2019-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.1.1 Prestasi Eksport Mengikut Subsektor

Eksport pertanian Malaysia pada tahun 2023 didorong oleh tiga subsektor utama iaitu tanaman, perikanan dan ternakan. Subsektor tanaman menjadi penyumbang terbesar, dengan jumlah eksport sebanyak 14.9 juta tan, bernilai RM63.3 bilion. Minyak masak, beras dan buah-buahan tropika seperti durian memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dalam kategori ini. Ini diikuti oleh subsektor perikanan yang mencatatkan jumlah eksport sebanyak 0.1 juta tan, dengan nilai keseluruhan RM2.0 bilion. Ini menunjukkan permintaan berterusan terhadap produk makanan laut Malaysia di pasaran antarabangsa. Produk utama dalam kategori ini adalah udang dan sotong. Manakala subsektor ternakan pula menyumbang nilai eksport berjumlah RM1.5 bilion. Produk utama dalam kategori ini termasuk ayam, telur dan susu segar.

Secara keseluruhan, prestasi kukuh dalam ketiga-tiga subsektor ini membuktikan keupayaan Malaysia dalam perdagangan pertanian serta kebolehannya memenuhi permintaan global terhadap produk berkualiti tinggi.


5.1.2 Rakan Dagangan Utama bagi Eksport Pertanian

Prestasi eksport pertanian Malaysia pada tahun 2023 terus menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan, disokong oleh hubungan dagangan yang kukuh dengan beberapa negara utama. Lima negara yang dikenal pasti sebagai rakan dagangan utama bagi eksport produk pertanian Malaysia ialah India, China, Kenya, Turki dan Singapura.

India muncul sebagai destinasi eksport terbesar, dengan nilai eksport pertanian mencecah RM11.0 bilion. Angka ini mencerminkan permintaan yang tinggi terhadap produk pertanian Malaysia, terutamanya minyak masak dan produk berkaitan, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam pasaran tersebut. China pula merupakan rakan dagangan kedua terbesar dengan jumlah eksport sebanyak RM5.7 bilion. Kenya, Turki dan Singapura turut mencatatkan prestasi eksport yang kukuh, masing-masing merekodkan nilai sebanyak RM3.4 bilion, RM3.3 bilion dan RM3.1 bilion.

